



# **JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA**

## **PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PENOLONG JURUUKUR BAHAN 2015 *UKUR BAHAN***

KOD : PJU02

SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR  
TENDER/KONTRAK

TARIKH : 21 APRIL 2015

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN  
SEHINGGA DIARAHKAN**

**PERKARA : PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK**

**ARAHAN KEPADA CALON**

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.  
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

**SOALAN 1**

Anggaran awalan sesuatu projek perlu disediakan bagi mendapatkan jumlah kos yang diperlukan. Sehubungan dengan itu, nyatakan :

- a) **Empat (4)** kaedah penyediaan anggaran kos awalan.  
*(4 markah)*
- b) Perbezaan antara *As Tendered Detailed Abstract (ATDA)* dan *As Completed Detailed Abstract (ACDA)*.  
*(6 markah)*
- c) **Lapan (8)** item yang terkandung di dalam ACDA.  
*(4 markah)*
- d) **Tiga (3)** tujuan Analisis Kos Elemen (*ECA*) disediakan.  
*(6 markah)*

**SOALAN 2**

- a) Huraikan secara ringkas tatacara perolehan secara Tender Terbuka (Kerja) Konvensional.  
*(8 markah)*

**SOALAN 2 (sambungan)**

- b) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 2/2013, terdapat had nilai bagi sesuatu kaedah perolehan itu dibuat. Nyatakan had nilai bagi kaedah perolehan kerja berikut :

Bil.	Perolehan	Had Nilai Perolehan
i)	Lantikan Terus	
ii)	Undi/Pusingan	
iii)	Sebutharga	
iv)	Tender	

(4 markah)

- c) Merujuk kepada Perolehan Kerajaan 2/2013, nyatakan:

- i) Tempoh minimum sah laku bagi Sebutharga Kerja
- ii) Tempoh sah laku tender bagi tender yang dipanggil secara konvensional
- iii) Kesan jika tempoh sah laku minimum tersebut telah luput

(8 markah)

**SOALAN 3**

- a) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 2/2013, terdapat tempoh minimum pengiklanan yang telah ditetapkan. Nyatakan tempoh minimum iklan tender bagi tender-tender berikut :

- i) Tender Tempatan
- ii) Tender Antarabangsa

(4 markah)

**SOALAN 3 (sambungan)**

- b) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 1/2013, nyatakan had nilai perolehan kerja bagi setiap gred pendaftaran berikut:

Gred	Had Nilai Perolehan Kerja
G1	
G2	
G3	
G4	
G5	
G6	
G7	

(7 markah)

- c) Nyatakan jenis dan bilangan minimum akhbar yang diperlukan untuk iklan tender tempatan dan tender antarabangsa.

(6 markah)

- d) Jika terdapat wakil kontraktor yang membawa lebih daripada satu (1) surat perwakilan syarikat untuk membeli dokumen tender bagi setiap syarikat yang diwakili, apakah tindakan yang perlu diambil oleh pegawai penjual tender?

(3 markah)

**SOALAN 4**

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 2/2013, Dokumen Kontrak hendaklah ditandatangani tidak melebihi empat (4) bulan daripada tarikh Surat Setujuterima Tender.

- a) Nyatakan kesan kepada Kontraktor jika Dokumen Kontrak ditandatangani melebihi empat (4) bulan.

(2 markah)

**SOALAN 4 (sambungan)**

- b) Nyatakan **empat (4)** sebab mengapa Dokumen Kontrak perlu disediakan bagi sesuatu kontrak.
- (8 markah)*
- c) Dokumen Kontrak diedarkan kepada beberapa pihak untuk rujukan dan rekod. Nyatakan **empat (4)** daripada pihak-pihak tersebut.
- (4 markah)*
- d) Senaraikan **enam (6)** perkara yang perlu ada di dalam Senarai Semak semasa menyediakan dokumen kontrak.
- (6 markah)*

**SOALAN 5**

- a) Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 2/2013, nyatakan **empat (4)** kriteria peringkat pertama penilaian kewangan bagi tender kerja terbuka (konvensional).
- (4 markah)*
- b) Nyatakan **empat (4)** dokumen yang perlu dikemukakan oleh petender semasa mengemukakan tendernya untuk penilaian kewangan.
- (8 markah)*
- c) Terdapat kecenderungan petender mengemukakan dokumen kewangan palsu semasa mengemukakan tendernya. Berikan **empat (4)** cadangan bagi mengelakkan pemalsuan dokumen tersebut
- (8 markah)*

SOALAN 6a) Kes 1

Kontraktor Utama	:	ABC Sdn Bhd
Harga kontrak	:	RM38,697,278.71
Tempoh Kontrak	:	30 bulan
Wang peruntukan sementara	:	RM 2 juta
Wang kos prima	:	RM 10 juta

Kes 2

SubKontraktor Dinamakan	:	Syarikat Bintang Sdn Bhd
Harga SubKontrak	:	RM2,997,359.00
Tempoh Kontrak	:	18 Bulan

Berdasarkan dua (2) maklumat projek yang diberikan di atas, kirakan nilai Bayaran Pendahuluan yang layak disyorkan kepada kontraktor utama bagi kes 1 dan sub kontraktor bagi kes 2.

(4 markah)

- b) Merujuk kepada Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010) Klaus 69.0, terdapat tempoh tertentu bagi pembayaran semula bayaran pendahuluan yang diberi. Nyatakan peratus kemajuan kerja untuk bayaran balik bermula dan berakhir.

(4 markah)

- c) Kerja-kerja *resurfacing* jalan mengikut spesifikasi adalah 50 mm tebal. Walau bagaimanapun, di tapak bina kontraktor hanya mencapai ketebalan *average* 44 mm sahaja. Berdasarkan keadaan ini, adakah bayaran interim boleh dibuat kepada kontraktor?

(4 markah)

- d) Bolehkah bayaran dibuat kepada kontraktor yang tidak mengemukakan tuntutan ke atas bayaran interim?

(4 markah)

- e) Terangkan proses pembayaran interim berdasarkan Syarat-syarat Kontrak JKR 203/203A (Pind.1/2010).

(4 markah)

SOALAN 7

Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010) :

- a) Nyatakan definisi perubahan kerja.

(3 markah)

- b) Terangkan kaedah penilaian perubahan kerja.

(9 markah)

- c) Berdasarkan Arahan Perbendaharaan, setiap perubahan daripada kontrak kerja hendaklah mematuhi beberapa kriteria/syarat. Nyatakan **empat (4)** kriteria/syarat tersebut.

(8 markah)

SOALAN 8

Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010):

- a) i. Nyatakan bilakah Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*LAD*) dikenakan.  
ii. Berikan **tiga (3)** tujuan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*LAD*) dikenakan.

(8 markah)

- b) Kontraktor : Syarikat Semangat Jaya Sdn. Bhd.  
Harga Kontrak : RM7,800,596.00  
Tempoh Kontrak : 12 Bulan  
*BLR* Semasa : 6.85%

Berdasarkan *Based Lending Rate* yang diberikan di atas, kirakan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*LAD*) sehari yang akan dikenakan kepada kontraktor.

(4 markah)

**SOALAN 8 (sambungan)**

- c) Nyatakan tatacara Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.  
*(8 markah)*

**SOALAN 9**

- a) Sebelum Notis Untuk Tujuan Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor dikeluarkan, pegawai yang diiberi kuasa yang dinamakan di dalam Lampiran kepada Syarat-syarat Kontrak hendaklah memberi notis bertulis kepada kontraktor dengan menyatakan tindakan kemungkiran kontraktor. Nyatakan **tiga (3)** kaedah penyampaian notis kepada kontraktor.  
*(6 markah)*
- b) Nyatakan tindakan yang perlu diambil oleh Kerajaan selepas penamatan pengambilan kerja Kontraktor dikeluarkan.  
*(14 markah)*

**SOALAN 10**

- a) Berdasarkan Syarat-Syarat Kontrak 203/203A (Pind. 1/2010), nyatakan bila Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad perlu dikeluarkan.  
*(4 markah)*
- b) Semasa proses penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad, terdapat dokumen-dokumen yang diperlukan bagi tujuan itu. Nyatakan dokumen-dokumen tersebut.  
*(6 markah)*

**SOALAN 10 (sambungan)**

- c) Nyatakan item-item yang terdapat dalam Perakuan Akaun Dan Bayaran Muktamad.

(10 markah)

\*\*\*\*\*